

SOALAN LAZIM

Program di PROTON Advanced Automotive Technology Institute

SOALAN 1 : Boleh berikan penerangan berkaitan Institut dan program ini?

Institut:

Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Malaka, Jabatan Tenaga Manusia telah dijenamakan semula dan kini dikenali sebagai **Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (*PROTON Advanced Automotive Technology Institute*)** mulai 3 Oktober 2024 melalui kerjasama strategik Jabatan Tenaga Manusia bersama PROTON Holdings Berhad, Persatuan Pengedar PROTON Edar Malaysia (PEDA) dan Persatuan Pembekal PROTON (PVA). Penjenamaan ini adalah inisiatif YB Menteri Sumber Manusia (KESUMA) dalam usaha menjadikan Institusi TVET dipacu industri (*industry driven*) sekaligus menyokong pembangunan tenaga kerja khususnya di PROTON.

Program Latihan:

Program khas telah dibangunkan hasil kerjasama strategik ini untuk membekal bakat tenaga kerja masa hadapan di PROTON Tanjung Malim, di industri pembuatan dan pembekal komponen PROTON dan di vendor-vendor PROTON seluruh Malaysia. Selain itu, Institut ini juga menjadi hub latihan bagi membangunkan tahap kompetensi pekerja sedia ada di industri bagi peluang peningkatan kerjaya ke tahap lebih tinggi.

Melalui program latihan ini para pelajar dilatih secara berstruktur agar memiliki kompetensi dan nilai-nilai yang diperlukan industri serta terus diambil bekerja. Sepanjang pengajian pelajar berpeluang mengikuti pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work-based learning*) agar pelajar dapat terus mengadaptasi proses kerja yang sebenar di industri. Selepas tamat pengajian, pelajar berpeluang untuk terus bekerja di PROTON atau syarikat-syarikat berkaitan automotif di bawah PEDA dan PVA.

Tempoh pengajian adalah 2 tahun. Pelajar yang tamat pengajian dengan jayanya akan dipersijilkan seperti berikut :

- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3
- Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)
- Diploma Teknologi Automotif

SOALAN 2 : Program ini di bawah ADTEC Melaka atau PROTON?

Program ini merupakan program khas '*double batch*' yang dibangunkan secara bersama dan dijalankan di *PROTON Advanced Automotive Technology Institute @ ADTEC Melaka* khusus untuk penempatan kerja di PROTON, PEDANA atau PVA sejeurus selepas tamat pengajian. Latihan Industri akan dilaksanakan di PROTON atau industri-industri berkaitan PROTON.

SOALAN 3 : Apakah yang akan dipelajari di bawah program ini?**a. Diploma Teknologi Automotif (Pembuatan)**

SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	SEMESTER 4
ENGINEERING DRAWING	LATHE MACHINE OPERATION	CNC MILLING OPERATION*	METAL STAMPING DIE DESIGN
MEASURING INSTRUMENT	GRINDING MACHINE OPERATION	CNC EDM WIRE CUT OPERATION*	METAL STAMPING LINE CONCEPT DEVELOPMENT
BENCHWORK	METAL STAMPING DIE FUNDAMENTAL	METAL STAMPING DIE MAINTENANCE	METAL STAMPING DIE COSTING
MILLING MACHINE OPERATION	METAL STAMPING DIE MANUFACTURING	PRODUCTION SUPERVISORY	METAL STAMPING DIE FABRICATION MONITORING
MACHINE MAINTENANCE	METAL STAMPING DIE ASSEMBLY	AGAMA/MORAL	METAL STAMPING DIE TRIAL VALIDATION
TOOL & CUTTER GRINDER OPERATION	METAL STAMPING DIE TRY-OUT		METAL STAMPING DIE ADMINISTRATION
MATHEMATICS	CORE ABILITIES 3		SOCIAL SECURITY
TECHNICAL ENGLISH			INDUSTRIAL PROJECT
CORE ABILITIES 1 & 2			WORK BASE LEARNING
			CORE ABILITIES 4

b. Diploma Teknologi Automotif (Servis dan Penyelenggaraan)

SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	SEMESTER 4
WORKSHOP PRACTICE	BRAKE SYSTEM	MECHANICAL SYSTEM ASSEMBLY	MECHATRONICS SYSTEM DESIGN
EMISSION CONTROL SYSTEM (ECS)	AIR CONDITIONING SYSTEM	PLC CONTROL	INDUSTRIAL PROJECT
VEHICLE PERIODICAL MAINTENANCE	ENGINE SERVICE, DIAGNOSIS AND REPAIR	MACHINE MAINTENANCE	EMBEDDED SYSTEM
VEHICLE ELECTRICAL & ELECTRONIC SYSTEM	AIR-CONDITIONING SYSTEM DIAGNOSIS	SUPERVISORY	INDUSTRIAL ROBOTICS
MANUAL TRANSAXLE SYSTEM	ELECTRICAL & ELECTRONIC SYSTEM DIAGNOSIS	AGAMA/MORAL	MAINTENANCE MANAGEMENT
AUTOMATIC TRANSAXLE SYSTEM	ELECTRIC POWER STEERING SYSTEM (EPS)		PROJECT COORDINATION
STEERING & SUSPENSION SYSTEM	ANTI-LOCK BRAKING (ABS) SYSTEM		INSTALLATION & COMMISSIONING
MATHEMATICS	HYBRID AND ELECTRICAL VEHICLE*		SOCIAL SECURITY
TECHNICAL ENGLISH	CORE ABILITIES 3		INDUSTRIAL PROJECT
CORE ABILITIES 1 & 2			WORK BASE LEARNING
			CORE ABILITIES 4

c. Diploma Teknologi Automotif (Automasi Industri)

SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	SEMESTER 4
TECHNICAL DRAWING	MECHANICAL ASSEMBLY	MECHANICAL SYSTEM ASSEMBLY	MECHATRONICS SYSTEM DESIGN
ELECTRIC CIRCUIT	PNEUMATIC SYSTEM	PLC CONTROL	FINAL PROJECT
ELECTRONIC CIRCUIT	HYDRAULIC SYSTEM	MACHINE MAINTENANCE	EMBEDDED SYSTEM
WORKSHOP PRACTICE	COMPUTER AIDED DESIGN (CAD)	SUPERVISORY	INDUSTRIAL ROBOTICS
FABRICATION PROCESS	ELECTRICAL & ELECTRONIC SYSTEM	AGAMA/MORAL	MAINTENANCE MANAGEMENT
PLC PROGRAMMING	INSTRUMENT & CALIBRATION		PROJECT COORDINATION
MATHEMATICS	COMPUTER PROGRAMMING		INSTALLATION & COMMISSIONING
TECHNICAL ENGLISH	CORE ABILITIES 3		SOCIAL SECURITY
CORE ABILITIES 1 & 2			INDUSTRIAL PROJECT
			WORK BASE LEARNING
			CORE ABILITIES 4

d. Diploma Teknologi Automotif (Pengeluaran)

SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	SEMESTER 4
ENGINEERING DRAWING 1	ENGINEERING DRAWING 2	WORK RULE AND REGULATION	PRODUCTION LINE CONTROL
WORKSHOP PRACTISE	RAW MATERIAL PLANNING	WORK STANDARD CONTROL	TRAINING MANAGEMENT
OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH	ENGINEERING METROLOGY AND INSTRUMENTATION	ENGINEERING CHANGE MANAGEMENT	PROCUREMENT CONTROL
PRINCIPLES OF AUTOMOTIVE PRODUCTION	METAL CASTING TECHNOLOGY	SUPERVISORY	WORK RULE AND REGULATION
METAL FORMING	CORE ABILITIES 3	AGAMA/MORAL	WORK STANDARD CONTROL
MATHEMATICS			ENGINEERING CHANGE MANAGEMENT
TECHNICAL ENGLISH			SOCIAL SECURITY
CORE ABILITIES 1 & 2			INDUSTRIAL PROJECT
			WORK BASE LEARNING
			CORE ABILITIES 4

SOALAN 4 : Di manakah program ini akan dijalankan?

BIL	KURSUS	TEMPAT
1.	Diploma Teknologi Automotif (Pembuatan)	PROTON INSTITUTE (ADTEC MELAKA)
2.	Diploma Teknologi Automotif (Servis dan Penyelenggaraan)	
3.	Diploma Teknologi Automotif (Automasi Industri)	
4.	Diploma Teknologi Automotif (Pengeluaran)	ADTEC SHAH ALAM

SOALAN 5 : Berapa lamakah tempoh pengajian?

Tempoh pengajian adalah selama 2 tahun termasuk Latihan Industri.

SOALAN 6 : Berapakah bayaran yuran dikenakan?

- Yuran pengajian, penginapan, makan dan minum dibiayai oleh Kerajaan sehingga SKM Tahap 3.
- Bagi DKM, bayaran yuran minimum dikenakan untuk pengajian dan penginapan sebanyak RM945.00 (tertakluk kepada perubahan).
- Bayaran pendaftaran berjumlah RM 741.00– perlu bayar sendiri oleh pelajar semasa hari pendaftaran (aktiviti pelajar, insuran, baju, jaket, dobi dll.).

SOALAN 7 : Bolehkah saya menyambung ke peringkat ijazah di MTUN selepas tamat pengajian?

Boleh. Selepas tamat pengajian, graduan akan dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Teknologi Automotif.

Setelah memiliki DKM, graduan boleh menyambung pengajian ke peringkat ijazah di mana-mana MTUN atau universiti lain.

SOALAN 9 : Apakah jaminan prospek kerjaya selepas mengikuti program ini?

Program ini dibangunkan bagi membolehkan pelajar memasuki dunia pekerjaan dengan cepat dengan kelayakan yang baik serta bayaran gaji yang setara dengan kelayakan diploma. Pelajar yang menamatkan pengajian dengan jayanya akan terus mendapat tawaran pekerjaan di PROTON atau rangkaian syarikat di bawah PEDANA atau PVA seluruh Malaysia.

SOALAN 10 : Adakah diploma yang diperolehi diiktiraf?

Diploma Teknologi Automotif ini diiktiraf oleh PROTON, rangkaian syarikat di bawah PEDANA dan PVA serta melayakkan graduan bekerja dengan kadar gaji yang setara kelayakan, manakala Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) diiktiraf oleh JPK dan MQA.